

EDISI
APRIL 2026



Untuk
layari laman
sesawang wadah
imbas kod QR ini.

JOM SCAN



NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



*Salam
Aidilfitri*

TINTA PRESIDEN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



**OLEH: DATO' HAJI AHMAD AZAM
AB RAHMAN, PRESIDEN WADAH**

Saudara-saudari, rakyat Malaysia yang saya kasihi sekalian,

Malaysia, tanah air yang kita cintai, kini berada di persimpangan jalan yang amat genting. Negara bukan sekadar berhadapan dengan krisis tenaga akibat pergolakan di Teluk Parsi, malah sedang mengemudi arus politik domestik yang kian bergelora menjelang Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU-16). Pertembungan dua kemelut ini bukan sekadar ujian pentadbiran, tetapi merupakan medan yang menguji kematangan jiwa, kesatuan saf, serta kemandirian kedaulatan bangsa.

Justeru itu, andai kita gagal mengemudi bahtera negara dalam mengharungi badai berganda ini, implikasinya cukup nyata. Ketidaktentuan domestik seolah-olah mengundang kuasa asing untuk mencampuri urusan dalaman negara.

TANGANI KRISIS TENAGA DAN POLITIK DENGAN FIQH AL-AMNI WAL SALAM

Selat Melaka, sebagai nadi perdagangan dunia dan laluan strategik bekalan minyak global, akan terus menjadi taruhan dalam persaingan pengaruh antara China dengan Amerika Syarikat. Kedudukan Malaysia di titik tumpuan ini menjadikan kita sasaran langsung hegemoni geopolitik, bukannya sekadar pemerhati pasif. Lebih membimbangkan, jika kita terus berpecah dan leka dalam sengketa sesama sendiri, kedaulatan dan kemerdekaan yang dibina dengan titisan darah dan keringat pejuang terdahulu berisiko diragut secara halus.

Sehubungan dengan itu, mendepani realiti getir ini, saya bagi pihak Wadah Pencerdasan Umat Malaysia — gerakan Islam yang tekal menjadi jurubicara umat sejak era kebangkitan 1970-an — menyeru

seluruh rakyat Malaysia agar kembali kepada kerangka asas tradisi keilmuan Islam, iaitu ***Fiqh al-Amni wal Salam*** (Fikah Keamanan dan Kesejahteraan).

Hakikatnya, ***Fiqh al-Amni wal Salam*** bukanlah sekadar retorik agama. Ia merupakan pendekatan hukum dan etika yang meletakkan keselamatan negara serta kesejahteraan awam (Maqasid Syariah) sebagai keutamaan tertinggi, mengatasi segala kepentingan kelompok, parti, mahupun peribadi. Dalam mendepani krisis yang menyerang serentak, kaedah fikah memberikan panduan jelas: “Dar’ul mafasid muqaddamun ‘ala jalbil masalih” (Menolak kerosakan yang lebih besar wajib didahulukan daripada mengejar keuntungan sementara).

Dalam konteks ***krisis tenaga***, gangguan bekalan minyak ekoran Perang Teluk menjadi peringatan bahawa kebergantungan melampau kepada sumber luar ialah kelemahan struktural yang membimbangkan. ***Fiqh al-Amni wal Salam*** menuntut kita menelusuri isu tenaga melalui lensa Hifz al-Nafs wa al-Mal (Penjagaan Jiwa dan Harta). Sebarang bentuk pembaziran (al-israf) mahupun perebutan sumber secara tidak terkawal hanya akan mengundang kemiskinan dan inflasi yang menekan rakyat marhaen.

Oleh yang demikian, saya menyeru agar setiap dasar berkaitan subsidi dan jaminan bekalan tenaga diurus sebagai amanah rakyat, bukannya dijadikan modal politik murahan. Pada masa yang sama, umat Islam perlu menerajui budaya berjimat cermat sebagai manifestasi iman, agar beban negara ini dapat dipikul bersama secara adil dan saksama.

Dalam konteks ***krisis politik*** pula, menjelang PRU-16, perbezaan ideologi dan persaingan kuasa merupakan lumrah

dalam sistem demokrasi. Namun, ***Fiqh al-Amni wal Salam*** mengharamkan sebarang tindakan yang membawa kepada al-fasad fi al-ard (kerosakan di muka bumi). Apabila politik melampaui batas sehingga melumpuhkan ekonomi dan menggugat kestabilan negara, musuh luar pasti menanggung di air keruh. Percaturan politik yang hanya mengejar kemenangan sempit tanpa mempedulikan keutuhan negara ialah satu bentuk pengkhianatan terhadap sumpah setia kenegaraan.

Oleh itu, dengan penuh rasatanggungjawab, saya menyeru seluruh rakyat Malaysia: ***Ketepikan agenda kelompok yang sempit dan tumpukan seluruh daya kepada keselamatan negara.*** Jika krisis politik dibiarkan berlarutan, ruang kosong yang wujud bakal diisi oleh dominasi kuasa asing yang sekian lama mengintai kepentingan di Selat Melaka. Kita tidak mahu sejarah hitam penjajahan berulang dalam wajah yang lebih moden.

Dalam masa yang sama, demi masa depan generasi akan datang, Wadah Pencerdasan Umat Malaysia menyokong penuh kepimpinan YAB Perdana Menteri, Anwar Ibrahim, untuk membawa negara keluar daripada kemelut ini. Langkah ini bukan tentang pilihan politik jangka pendek, tetapi tentang meletakkan nakhoda yang berupaya menyelamatkan kapal besar bernama Malaysia ini.

Saudara-saudari yang saya muliakan,

Kesimpulannya, inilah masanya untuk kita merapatkan saf dan meluruskan niat. Ayuh kita hayati ***Fiqh al-Amni wal Salam*** demi membina Malaysia yang aman, sejahtera, dan bebas daripada cengkaman asing. Biarlah tekad kita satu:

“Selamatkan Malaysia!”

MEMBUGAR TEKAD, MENGUKUH SAF: ANJAKAN STRATEGIK MENUJU KEBANGKITAN UMMAH



OLEH: AZIZUDDIN AHMAD,
SETIAUSAHA AGUNG
WADAH

Sebuah gerakan Islam yang telah mengharungi liku perjuangan selama hampir 65 tahun — dengan WADAH sendiri kini mencecah usia dua dekad — bukanlah sekadar sebuah organisasi biasa. Ia adalah **sejarah yang beryawa, darah yang mengalir dalam urat nadi generasi, dan amanah yang kini digalas di bahu sisa-sisa pejuang yang masih teguh berbakti**. Kehilangan tokoh-tokoh besar dalam WADAH bukanlah isyarat kerapuhan; sebaliknya ia merupakan **panggilan keramat untuk kita bangkit dengan lebih ampuh**. Setiap pemergian seorang mujahid sejatinya menyalakan seribu obor baharu dalam jiwa muda yang dahagakan keteladanan. Tangisan kita bukanlah ratapan putus asa, melainkan titisan rindu yang memperkasakan azam — kerana kita sedar, perjuangan ini tidak akan terhenti di liang lahad, ia akan terus mengalir dalam setiap langkah ikhlas yang kita pacu demi agama dan ummah.

Maka, **persediaan kita hari ini adalah persediaan generasi yang tidak sekadar menunggu**, tetapi tangkas bergerak; bukan yang hanya mengenang memori, tetapi tekun membangun masa depan. Kita siapkan kader yang berwibawa, lahirkan pemimpin yang hanya takut kepada Allah, dan pupuk wadah perjuangan ini sebagai benteng akidah serta peradaban. Kehilangan tokoh bukan alasan untuk goyah, sebaliknya ia adalah sebuah **metamorfosa strategi** — daripada ketokohan individu kepada ketokohan kolektif, dan daripada karisma personal kepada sistem yang

menghidupkan. Marilah kita sambung ceritera perjuangan ini dengan penuh keyakinan, kerana janji Allah itu benar: pertolongan-Nya pasti datang, selagi kita istiqamah di jalan-Nya. **Kita tidak melangkah dengan tangan kosong**; kita sedang mempersiapkan sebuah kebangkitan.

Persiapan Kesenambungan Perjuangan

Pembentukan pelbagai platform strategik seperti **Majlis Siasah, Majlis Al-Mizan, Briged Nahdah**, dan seumpamanya dalam gerakan WADAH bertujuan **menyediakan ruang siyasah dan tarbiah yang inklusif**. Ini bagi memastikan setiap ahli daripada pelbagai latar belakang pemikiran dan kecenderungan merasa memiliki ruang untuk menyumbang bakti. Usaha ini bukan sekadar mempelbagaikan wajah organisasi, tetapi bertujuan membudayakan ijtihad kolektif dalam mendepani cabaran ummah yang rencam.

Setiap platform ini berfungsi sebagai saluran pencetus idea segar, medan perbincangan strategi yang matang, serta pengukeh kesatuan tanpa menafikan perbezaan pandangan. Ia adalah manifestasi bahawa perjuangan Islam harus bergerak dengan **kebijaksanaan kolektif dan keterbukaan dalam bermusyawarah**. Pintu yang terlalu sempit hanya akan melahirkan perjuangan yang kaku, manakala pintu yang lapang akan melahirkan gerakan yang dinamik dan berdaya tahan. Pada masa yang sama, pembinaan rangkaian rakan strategik di luar organisasi memastikan perjuangan ini tidak bersifat eksklusif, sebaliknya menjadi gerakan rakyat yang mampu bekerjasama dengan semua pihak yang berkongsi matlamat dalam menegakkan keadilan, kemanusiaan, dan kemakmuran bersama.

Dalam mendepani gelombang cabaran yang kian kompleks — sama ada daripada sudut serangan pemikiran, arus global mahupun krisis akhlak — Majlis Dakwah dan Tarbiyyah (MAKTAB) diperkukuhkan sebagai **tulang belakang pembinaan insan** dalam

WADAH. Pengukeh ini bukan sekadar penjenamaan semula, tetapi sebuah anjakan metodologi melalui tiga instrumen utama:

- **Usrah**: Sebagai medan asas pembinaan rohani dan penyatuan fikrah.
- **Tamrin**: Latihan pemantapan untuk melahirkan kader yang kompeten serta berwibawa.
- **Siri Program Latihan**: Modul berterusan yang dibina secara sistematik dan berperingkat.

Usrah menjadi nadi yang menyatukan hati, Tamrin membentuk keterampilan, dan Siri Program Latihan memastikan tiada ruang buat kejahilan dalam barisan pejuang. Dengan pendekatan ini, **MAKTAB** kini menjadi pusat graviti yang mencetak generasi Rabbani yang berilmu, beramal, dan berdakwah. Ia adalah jawapan strategik kepada realiti bahawa perjuangan tanpa tarbiah akan lumpuh, manakala tarbiah tanpa sistem akan kehilangan arah. Pengukeh MAKTAB adalah jaminan bahawa perjuangan ini akan terus segar, relevan, dan dirahmati Allah.

PESANAN GERAKAN : Akhirnya, ingin diingatkan kepada seluruh pemegang amanah jawatan di mana jua peringkatnya, bahawa jawatan adalah tanggungjawab yang akan dipersoalkan di hadapan Allah kelak. Ia bukannya lambang kebesaran atau alat untuk memuaskan ego. Jalankan tugas dengan jujur dan penuh kesungguhan kerana setiap gerak-geri kita mencerminkan kesucian perjuangan ini. Jauhkan diri daripada perasaan merasa hebat, kerana kehebatan sejati lahir daripada kerendahan hati dan dedikasi yang ikhlas.

Apabila ego disisihkan, nasihat akan mudah diterima, kritikan menjadi guru yang membina, dan persaudaraan akan semakin erat. Jaga nama baik gerakan Islam ini dengan menjaga setiap tindakan serta lisan — kerana dunia sentiasa memerhati dan ummah sedang meletakkan harapan. Ingatlah, tidak penting siapa kita, tetapi yang utama adalah sejauh mana kita menjulang amanah dengan penuh integriti dan ketelusan demi kelangsungan perjuangan yang diberkati ini.

DUNIA DAKWAH BERDUKA, PEMERGIAN USTAZ DR. ABDUL HALIM EL-MUHAMMADY

BANGI, 16 APRIL 2026 — Wadah Pencerdasan Umat Malaysia diselubungi suasana hiba atas pemergian tokoh murabbi dan ilmuwan tersohor, Abdul Halim El-Muhammady, yang telah kembali ke rahmatullah pada jam 12.14 tengah hari, bersamaan 27 Syawal 1447H. Allahyarham merupakan figura yang amat disegani dalam landskap gerakan Islam serta pernah menggalas amanah sebagai Pengerusi Majlis Istisyari WADAH yang ketiga sejak tahun 2025.

➤ Pemergian beliau disifatkan sebagai satu kehilangan besar buat dunia dakwah, institusi pendidikan dan kepimpinan umat di Malaysia. Sepanjang hayatnya, Allahyarham banyak menyumbang dalam membimbing generasi, memperkukuh kefahaman Islam serta mengangkat tradisi keilmuan dalam gerakan. Sumbangan dan ketokohan beliau akan terus dikenang sebagai legasi penting dalam membina kekuatan umat.



➤ Pengurusan jenazah telah disempurnakan di sekitar Bandar Baru Bangi dengan kehadiran ahli keluarga, sahabat serta masyarakat yang hadir memberikan penghormatan terakhir. Seluruh pimpinan dan warga WADAH merakamkan ucapan takziah serta mendoakan agar segala amal kebajikan Allahyarham diterima Allah SWT, diampunkan segala dosa, dan ditempatkan dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang beriman dan beramal soleh. Al-Fatihah.

Engkau yang lembut: Catatan Belasungkawa buat Murabbi Ummah, Allahyarham Dr. Abdul Halim El-Muhammady

Oleh: Hasri Harun
(Timbalan Presiden WADAH)



*Pemergianmu yang tenang
Namun mengejutkan kami
Seluruh benak menggigil
Namun semuanya ketentuan Dia
Sesuai namamu Halim
Ketenangan dan kelembutan
Sentiasa memberi kekuatan
Pada dirimu terselit asas juang
Bekal buat kami yang tinggal*


*Insan yang bernama Halim
Pendidik, Pemikir dan Pejuang
Dimana engkau sentiasa
Bicara soal tarbiyyah, mujahadah
Tak pernah lekang pada lisanmu
Keyakinan yang sentiasa tegar
Yang selalu ingatkan kami
Jangan bisa kecewa dan penat
Dalam memimpin umat dan bangsa*

*Kini yang tinggal hanya pesanan
Jasadmu berehat disana
Ditemani amalmu yang hebat
Kau menikmati segala juangmu
Hanya pesan yang kami ingati
"Jaga Tarbiyyah, Jangan Rebah
Dakwah bukan Jalan Mudah"*

إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ



Puisi ini dinukilkan khas oleh Ustaz Hasri Harun sebagai penghormatan terakhir kepada Allahyarham Dr. Abdul Halim El-Muhammady yang telah menghembuskan nafas terakhir pada 16 April 2026. Allahyarham dikenali sebagai tiang seri tarbiyyah dalam gerakan WADAH dan seorang pemikir Islam yang disegani.



MENGENANG ALMARHUM USTAZ DR. ABDUL HALIM EL-MUHAMMADY: MURABBI UMMAH DAN ARKITEK DAKWAH LAPANGAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ



Pada tanggal 16 April 2026, bersamaan 27 Syawal 1447H, cakrawala dakwah tanah air dilitupi mendung hiba. Kita telah melepaskan kembali ke rahmatullah seorang tokoh besar ummah, seorang murabbi yang teguh, ilmuwan yang faqih, dan pejuang yang tidak pernah mengenal istilah lelah — Almarhum Ustaz Dr. Abdul Halim El-Muhammady pada usia 81 tahun. Pemergian beliau bukan sekadar kehilangan seorang insan, tetapi merupakan noktah kepada satu generasi pendakwah yang berjaya mengadunkan antara kedalaman ilmu, keteguhan aqidah, dan keberanian bertindak di medan masyarakat.

Almarhum merupakan sosok yang amat signifikan dalam denyut nadi gerakan Islam di Malaysia. Sejarah mencatatkan pengabdian beliau sebagai Timbalan Presiden ABIM, di mana beliau memperkukuh pasak tarbiah dan menggilap potensi belia Islam demi membina kesedaran ummah yang syumul. Sebagai Pengerusi Majlis Istisyyari WADAH dan Pengerusi Murabbi MADANI, beliau tampil sebagai pemikir strategik yang bukan sahaja tajam memahami realiti, malah mampu memandu gerakan dengan hikmah dan wawasan yang melangkaui zaman.

Keluasan ufuk pemikiran Almarhum turut menterjemahkan dakwah ke dalam ruang lingkup kesejahteraan material. Melalui kepimpinan beliau

dalam Koperasi Belia Islam (KBI), beliau membuktikan bahawa dakwah tidak seharusnya terkurung di mimbar-mimbar masjid semata-mata, tetapi wajib menyentuh aspek pembangunan ekonomi umat.

Antara legasi paling ikonik yang mencerminkan jiwa besar beliau ialah penubuhan Outreach Oasis Bukit Bintang (OOBB). Di tengah-tengah hiruk-piruk pusat kota Kuala Lumpur yang penuh cabaran, Almarhum memilih untuk membawa risalah Islam kepada golongan yang sering terpinggir — para musafir, pelancong, dan komuniti jalanan. Inilah manifestasi sebenar sifat beliau yang action-oriented. Bagi Almarhum, dakwah bukan sekadar wacana di menara gading, tetapi ia adalah sentuhan kasih sayang yang mesti dirasai di lapangan.

Sebagai seorang ilmuwan, Almarhum adalah benteng yang kukuh dalam mempertahankan prinsip Ahli Sunnah wal Jamaah. Ketegasan beliau teruji ketika menggalas amanah sebagai Pengerusi dalam Debat Kassim Ahmad (1986) berkaitan isu autoriti hadis, serta keterlibatan aktif beliau dalam Seminar Pemurnian Aqidah bagi membahaskan isu-isu kritikal seperti Darul Arqam dan persoalan Yaqazah. Beliau tidak sesekali berkompromi dalam memastikan kemurnian aqidah umat sentiasa terpelihara daripada sebarang bentuk penyelewengan.

Namun, di sebalik segala jawatan dan pencapaian gergasi tersebut, kekuatan hakiki Almarhum terletak pada tauhid dan tawakal yang luar biasa. Beliau mempunyai keyakinan bulat bahawa

kerja dakwah ini bukan bersandar kepada kekuatan manusiawi semata-mata, melainkan bergantung sepenuhnya kepada Nusrah (pertolongan) Allah SWT. Keyakinan inilah yang menjadi enjin penggerak yang menjadikan beliau tidak pernah jemu dan tidak pernah berhenti sehingga ke nafas terakhir.

Pemergian Almarhum meninggalkan ruang kosong yang amat besar buat kita semua. Persoalannya, mampukah kita menyambung obor legasi ini? Dakwah ini tidak boleh terhenti dengan pemergian seorang tokoh. Ia menuntut kehadiran generasi pelapis yang memiliki ramuan yang sama: Ilmu, Amal, Strategi, dan Pengorbanan.

Kita bermohon kepada Allah SWT agar mengampuni segala khilaf Almarhum, menerima segala amal solehnya, dan menempatkan beliau di tingkatan tertinggi bersama para nabi, siddiqin, syuhada, dan solihin.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ
اللَّهُمَّ اجْعَلْ قَبْرَهُ رَوْضَةً مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ

Selamat jalan, wahai Murabbi. Legasimu akan terus hidup selagi mana panji dakwah ini kita kibarkan.

DATO' AHMAD AZAM AB RAHMAN
Presiden
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia
(WADAH)

SEKITAR AIDILFITRI

SAMBUTAN 20 TAHUN WADAH: MENGHARGAI SEJARAH, MEMETA MASA DEPAN GERAKAN SEKITAR AIDILFITRI

SUNGAI MERAB, 5 APRIL 2026 — Sambutan Hari Raya Aidilfitri WADAH 1447H tahun ini hadir dengan makna yang jauh lebih besar daripada kebiasaan. Dalam suasana penuh kemeriahan, majlis yang berlangsung di Anjung Rahmat, Sungai Merab bukan sekadar untuk meraikan Syawal, tetapi turut menandakan pelancaran rasmi sambutan 20 Tahun WADAH, yang merupakan satu titik penting dalam perjalanan panjang gerakan ini.



Kehadiran ratusan tetamu daripada pelbagai latar seperti tokoh masyarakat, pimpinan NGO serta ahli WADAH dari seluruh negara telah memberikan gambaran jelas tentang keluasan jaringan dan pengaruh yang telah dibina sepanjang dua dekad. Pertemuan ini bukan hanya bersifat simbolik, tetapi mencerminkan kekuatan sebuah gerakan yang berkembang secara konsisten, berakar pada nilai dan prinsip yang kukuh.



Majlis dimulakan dengan ucapan Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman yang sarat dengan refleksi dan penghargaan. Beliau menzahirkan penghormatan mendalam kepada barisan pimpinan terdahulu dan para perintis yang telah mencurahkan tenaga, masa dan pengorbanan tanpa sedikit pun mengharapkan balasan.





“Dua puluh tahun bukan satu tempoh yang singkat. Ia adalah perjalanan yang sarat dengan ujian dan kejayaan. Hari ini, kita bukan sekadar menyambut hari raya, tetapi kita meraikan kematangan sebuah harakah yang komited dalam mencerdaskan umat,” ujar beliau.



Kemuncak majlis menyaksikan pelancaran Logo Rasmi 20 Tahun WADAH, satu simbol baharu yang membawa makna kesinambungan dan pembaharuan.



Di sebalik kemeriahan itu, mesej yang dibawa cukup jelas. Sambutan ini bukan sekadar mengenang sejarah, tetapi juga menetapkan arah. Ia menjadi ruang untuk menyegarkan semangat, memperkukuh ukhuwah selepas Ramadan, dan pada masa yang sama merangka langkah ke hadapan dalam usaha mencerdaskan umat dengan pendekatan yang lebih berimpak.

Dua dekad telah berlalu. Namun, bagi WADAH, perjalanan sebenar masih panjang. Sambutan ini sekadar satu tanda bahawa sebuah gerakan yang dibina atas dasar ilmu, nilai dan komitmen masih mampu terus bergerak, dengan tekad yang tidak pernah luntur.





RUMAH TERBUKA AIDILFITRI BERSAMA PROF. OSMAN BAKAR ERATKAN SILATURAHIM

PUTRAJAYA, 5 APRIL 2026 — Satu majlis Rumah Terbuka Aidilfitri bersama Prof. Osman Bakar telah berlangsung di Umami Cafe, Putrajaya dalam suasana penuh semangat kekeluargaan. Majlis ini dihadiri oleh barisan Exco WADAH Pusat yang diketuai oleh Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman sebagai ruang untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta memperkukuh jaringan dalam kalangan pimpinan.



Selain menikmati hidangan Aidilfitri, para hadirin turut mengambil kesempatan untuk berinteraksi dan bertukar pandangan dalam suasana santai, sekali gus menyemarakkan semangat kebersamaan selepas Ramadan.

WADAH HADIRI MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA ABIM & PKPIM, ERATKAN UKHUWAH GERAKAN

GOMBAK, 8 APRIL 2026 — Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri ABIM & PKPIM berlangsung meriah di perkarangan Sekretariat ABIM Pusat, Gombak, menghimpunkan warga gerakan dalam suasana penuh mesra dan kebersamaan.

Turut hadir Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, Setiausaha Agung WADAH, Azizuddin Ahmad, serta barisan Exco WADAH Pusat bersama staf WADAH. Kehadiran ini jelas menggambarkan hubungan yang sudah lama terjalin antara organisasi dalam keluarga besar gerakan — bukan sekadar formaliti, tetapi benar-benar berakar pada semangat silaturahim yang terus dipelihara.

Di sebalik hidangan Aidilfitri yang disajikan, ruang santai seperti ini membuka peluang untuk berbual, bertanya khabar dan bertukar pandangan. Interaksi yang kelihatan sederhana itu sebenarnya menguatkan lagi jaringan serta hubungan antara pimpinan dan warga organisasi.





**MAJLIS RAYA
AIDILFITRI WAPS
PULAU PINANG
PERKUKUH
UKHUWAH,
HARGAI LEGASI
PERJUANGAN**

SUNGGAI BAKAP, 18 APRIL 2026 — Majlis Raya Aidilfitri WAPS Pulau Pinang yang menghimpunkan WADAH, ABIM, PEMBIMBING dan SALWA berlangsung meriah di SERI Ad Diniah, Sungai Bakap.



➤ Kehadiran Setiausaha Agung WADAH, Azizuddin Ahmad, bersama barisan pimpinan serta ahli daripada pelbagai latar belakang menambah seri majlis.



➤ Tidak terhenti pada sambutan Aidilfitri, pimpinan WADAH Pulau Pinang turut meneruskan tradisi ziarah. Mereka mengunjungi tokoh-tokoh pendiri gerakan era ABIM Pulau Pinang sekitar tahun 1980-an, 1990-an hingga awal 2000-an di beberapa lokasi di seluruh negeri.



➤ Ziarah seperti ini mengikat semula hubungan, menghidupkan memori, dan dalam masa yang sama menyambung warisan perjuangan yang tidak pernah terputus. Ia memberi makna yang lebih dalam kepada keseluruhan sambutan.



HAFLAH & SILATURAHMI IDUL FITRI DI JAKARTA PERKUKUH UKHUWAH DAKWAH SERANTAU

JAKARTA, 18 APRIL 2026 — Setiausaha Kewangan WADAH, En. Mohd Halimi Abd Hamid telah menghadiri Haflah & Silaturahmi Idul Fitri anjuran Dewan Da'wah Islamiyah Indonesia yang berlangsung dalam suasana penuh kekraban dan kebersamaan.

➤ Program ini turut dihadiri oleh Wakil Ketua DPD RI Tamsil Linrung, Prof. Yusril Ihza Mahendra Menko Kumham Impas, serta Ketua Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia, Dr. Adrian Husaini. Ia telah menjadi ruang penting dalam mempererat ukhuwah, di samping meneguhkan komitmen bersama dalam usaha dakwah dan pelayanan umat.

➤ Lebih daripada sekadar majlis sambutan, program ini turut berfungsi sebagai ruang refleksi, pengukuhan visi, serta mempererat sinergi ke arah kerjasama dakwah yang lebih tersusun pada masa hadapan.



WADAH JOHOR PERKASA KEBAJIKAN MELALUI PROGRAM PEK CERIA RAYA 1447H

BATU PAHAT, 11 APRIL 2026 — WADAH Negeri Johor, bersama Pusat Tunas Nahdah Batu Pahat dan dengan kerjasama Yayasan Taqwa, telah melaksanakan Program Pek Ceria Raya 1447H di sekitar Mukim Minyak Beku, Batu Pahat.



SUMBANGAN DUIT RAYA PUSAT INFAQ WADAH MELAKAR SENYUMAN MUALAF

KUALA LUMPUR, 29 MAC 2026 — Pusat Infaq WADAH telah menyampaikan sumbangan duit raya kepada 20 orang mualaf dalam satu program ringkas yang diadakan di Masjid Negara. Inisiatif ini bertujuan menyantuni komuniti mualaf serta menyemarakkan kegembiraan Aidilfitri melalui perkongsian rezeki dan sokongan berterusan.



➤ Program ini melibatkan agihan sumbangan kepada 30 buah keluarga daripada kalangan miskin, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU). Bantuan disampaikan melalui pendekatan ziarah dari rumah ke rumah.

➤ Sepanjang program berlangsung, para sukarelawan bukan sekadar menyerahkan barangan keperluan asas. Mereka turut berinteraksi, bertanya khabar dan memahami keadaan hidup penerima. Dari situ, terjalin rasa kebersamaan yang lebih nyata, di samping menyuburkan nilai keprihatinan dalam masyarakat.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan WADAH dalam mengangkat martabat umat melalui pendekatan kebajikan dan kemasyarakatan. Ia juga selari dengan semangat Ramadan dan Syawal yang menekankan kasih sayang, ihsan dan solidariti.



AGIHAN PEK CERIA RAYA (PCR) 2026 SANTUNI ASNAF DI PERMATANG PAUH

PERMATANG PAUH, 18 APRIL 2026 — Program Pek Ceria Raya (PCR) 2026 dilaksanakan dengan jayanya melalui pendekatan ziarah dari rumah ke rumah, sekali gus memberi ruang kepada Pusat Tunas Nahdah Permatang Pauh untuk mendekati kehidupan para penerima secara langsung.

➤ Seramai 30 penerima daripada kalangan asnaf telah disantuni, merangkumi beberapa lokaliti seperti Kg. Kubang Ulu, Kg. Tanah Liat/Kubang Semang hingga ke Kg. Tok Kandu.

JOM DAFTAR AHLI WADAH



SCAN UNTUK SUMBANGAN



PERSATUAN WADAH PENCERDASAN UMAT M'SIA



➤ Program ini turut diserikan dengan kehadiran Setiausaha Agung WADAH, Azizuddin Ahmad, bersama Ustaz Md. Aziz Abdullah dan Dr. Joohari Ariffin, masing-masing selaku Pengerusi dan Timbalan Pengerusi WADAH Pulau Pinang.



KUANTAN, 18 APRIL 2026 — Program Pek Ceria Raya (PCR) anjuran WADAH Pahang telah dilaksanakan di Rumah Anak Yatim & Miskin Baitul Husna Kuantan sebagai usaha menyantuni anak-anak yatim dan asnaf sempena Aidilfitri. Program ini diserikan lagi dengan kehadiran Pengerusi WADAH Pahang, Ustaz Asaari @ Kamaluddin bin Yatim, sebagai penyampai sumbangan.

PROGRAM PEK CERIA RAYA WADAH PAHANG SANTUNI ANAK YATIM DI BAITUL HUSNA



➤ Selain penyampaian sumbangan, program turut diisi dengan sesi interaksi mesra yang memberi ruang kepada sukarelawan mendekati dan menyelami kehidupan anak-anak yang diraikan.

JEJAK PRESIDEN

PRESIDEN WADAH HADIRI SIDANG GANHRI DI GENEVA, SUARAKAN ISU HAK ASASI GLOBAL

SWITZERLAND, 29 MAC - 4 APRIL 2026 — Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman telah menghadiri Sidang Global Alliance of National Human Rights Institutions (GANHRI) di Geneva sebagai wakil Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Delegasi Malaysia diketuai oleh Pengerusi SUHAKAM, Dato' Seri Hishamuddin Yunus.



➤ Sidang kali ini berlangsung dalam suasana mencabar, khususnya dengan perkembangan krisis kemanusiaan di Gaza yang semakin meluas ke negara-negara Teluk dan Timur Tengah. Isu pelanggaran hak asasi manusia oleh kuasa besar tanpa tindakan tegas daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu turut menjadi antara kebimbangan utama yang dibangkitkan dalam perbincangan.



➤ Dalam pemerhatian sepanjang sidang, jelas kelihatan kebimbangan dalam kalangan wakil negara-negara terlibat. Situasi ini menggambarkan dunia yang semakin tidak menentu, sekali gus mengingatkan tentang pentingnya mengekalkan keamanan dan kestabilan dalam negara. Dalam konteks Malaysia, usaha berterusan kepimpinan negara untuk memastikan kestabilan ekonomi dan keselamatan rakyat turut menjadi antara perkara yang disyukuri.



➤ Dalam sidang tersebut, Presiden WADAH turut menyampaikan ucapan ringkas mewakili pandangan SUHAKAM bertajuk "Promoting Human Rights in the Digital Space". Ucapan tersebut menyorot tiga cabaran utama kecerdasan buatan (AI) terhadap hak asasi manusia di peringkat global, iaitu hak privasi yang semakin terhakis, komersialisasi maklumat, serta penggunaan teknologi dalam bentuk peperangan berasaskan kecerdasan.

Bagi menangani cabaran tersebut, tiga cadangan utama telah dikemukakan, termasuk keperluan melaksanakan penilaian impak hak asasi manusia terhadap sistem AI sebelum digunakan, penubuhan rangkaian tindak balas pantas global dalam kalangan institusi hak asasi bagi menangani isu penipuan kewangan, serta usaha memperkenalkan kurikulum literasi digital berasaskan hak dalam sistem pendidikan negara.

PRESIDEN WADAH HADIRI MALAYSIA-CHINA GOVERNANCE AND COOPERATION MEDIA EXCHANGE DI TRX

KUALA LUMPUR, 14 APRIL 2026 — Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, serta SUA WADAH, Azizuddin Ahmad, telah menghadiri program Malaysia-China Governance and Cooperation Media Exchange yang berlangsung di Menara Affin @ TRX, Kuala Lumpur. Program ini menghimpunkan wakil kerajaan, media dan badan pemikir dari Malaysia dan China. Ia juga dianjurkan oleh Malaysia Friends of Silk Road Club sebagai platform pertukaran pandangan mengenai tadbir urus dan kerjasama dua hala.



➤ Antara pengisian utama ialah ucapan oleh Zheng Xuefang, Menteri Kedutaan Besar China di Malaysia, dan YB Mordi Bimol, Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia. Zheng Xuefang menekankan Rancangan Lima Tahun ke-15 China sebagai pelan pembangunan yang turut mengutamakan kerjasama global, termasuk penyelarasan dengan pembangunan Malaysia melalui pelbagai inisiatif antarabangsa ke arah pembinaan komuniti masa depan bersama manusia sejagat.



➤ Para penceramah lain termasuk YB Mordi Bimol menyambut baik inisiatif tersebut dan melihatnya sebagai peluang memperkukuh kerjasama serantau. Program ini secara keseluruhannya menjadi ruang strategik untuk mempererat hubungan Malaysia-China, khususnya dalam konteks media, dasar dan pembangunan bersama.

PRESIDEN WADAH GARAP NARATIF GEOPOLITIK BERTERASKAN "SAUH IMAN, KOMPAS JIHAD" SEMPENA ULANG TAHUN TLDM KE-92

LUMUT, 23 APRIL 2026 — Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, telah menyampaikan Ceramah Perdana sempena Sambutan Ulang Tahun Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) ke-92 di Masjid An-Nur TLDM Lumut dengan tema "Menghadapi Perubahan Geopolitik Dunia: Sauh Iman, Kompas Jihad". Pada usia lebih sembilan dekad, jelasnya, TLDM kini berada pada tahap kematangan yang menuntut lebih daripada sekadar kesiapsiagaan biasa — ia memerlukan pandangan strategik yang tajam dalam berdepan ketidaktentuan geopolitik global. Ketegangan di Selat Hormuz, katanya, bukan isu jauh; ia berpotensi memberi kesan langsung kepada kestabilan laluan maritim kritikal seperti Selat Melaka.



➤ Menghuraikan realiti semasa melalui lensa wahyu, beliau merujuk kepada Surah Ar-Rum sebagai gambaran kitaran turun naik kuasa besar dunia — sesuatu yang berulang dalam sejarah. Dalam masa yang sama, beliau mengaitkan konflik moden dengan Surah Al-Isra' yang menyentuh tentang kerosakan dan kesombongan kuasa. Daripada kerangka itu, beliau menegaskan peranan TLDM bukan sekadar pasukan pertahanan, tetapi sebagai "Sauh Iman" yang menstabilkan keselamatan perairan negara, sementara "Kompas Jihad" menjadi penentu arah perjuangan — jelas, berprinsip dan tidak tersasar.



➤ Beliau seterusnya menekankan bahawa kekuatan sebenar tidak boleh hanya bergantung pada kecanggihan teknologi. Ia mesti diperkukuh dengan kekuatan jiwa. Berpandukan Surah Al-Anfal, persediaan menyeluruh itu merangkumi kedua-dua dimensi — material dan spiritual. Dalam nada yang sama, beliau mengingatkan tentang pentingnya keterbukaan dalam memanfaatkan kepakaran global tanpa menggadaikan prinsip, dengan mengambil iktibar daripada kepimpinan Muhammad Al-Fatih. Menutup ucapannya, beliau menyeru warga TLDM agar terus mengukuhkan iman, meningkatkan profesionalisme, dan memelihara kesatuan — kerana di situlah terletak jaminan kepada kedaulatan negara.

**AMANAT
PRESIDEN
WADAH
TEKANKAN
PERANAN
NUQABA
SEBAGAI
"HUJUNG
TOMBAK"
DAKWAH**

KAJANG, 26 APRIL 2026 — Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, telah menyampaikan amanat penutup sempena Tamrin Nuqaba Kebangsaan anjuran PKPIM, dengan menegaskan bahawa Nuqaba bukan sekadar pelapis, tetapi "hujung tombak" perjuangan yang memimpin perubahan umat secara langsung. Beliau menggambarkan peranan tersebut sebagai kritikal dalam memastikan kesinambungan dakwah terus hidup dan bergerak di semua peringkat masyarakat.



Dalam ucapannya, beliau menekankan bahawa asas kepada perubahan besar bermula daripada transformasi diri, selaras dengan prinsip marhalah dakwah yang beransur-ansur (tadarruj). Nuqaba, menurut beliau, perlu berfungsi sebagai murabbi yang membina kekuatan dalam-an ahli usrah sebelum meluaskan pengaruh ke peringkat masyarakat dan negara. Pada masa yang sama, kefahaman yang matang terhadap konsep perjuangan, termasuk realiti khilafah dan cabaran semasa, perlu diperkukuh agar gerakan tidak terjebak dengan pendekatan yang terburu-buru atau bersifat emosional.



Beliau turut mengingatkan bahawa dalam menghadapi landskap global dan politik domestik yang semakin kompleks menjelang PRU-16, peranan Nuqaba menjadi semakin penting sebagai jurubicara umat yang membawa solusi, bukan sekadar retorik. Mengakhiri amanat, beliau menyeru agar generasi muda menggabungkan hikmah kepimpinan terdahulu dengan semangat juang yang tinggi, sekali gus memastikan gerakan terus kekal relevan, berdaya tahan dan mampu memimpin arah peradaban.



**PRESIDEN WADAH BENTANG KERTAS KERJA "MADANI
DAN GAGASAN KENEGARAAN ISLAM" DI JOHOR**



Pembentangan tersebut menekankan kefahaman Malaysia MADANI sebagai falsafah pembinaan negara yang berteraskan prinsip kenegaraan Islam, dengan rujukan kepada model Negara Madinah yang diasaskan oleh Rasulullah SAW. Antara perkara yang diberi perhatian ialah keseimbangan pembangunan fizikal dan spiritual, pengukuhan nilai kemanusiaan, tadbir urus yang adil serta pembinaan masyarakat majmuk yang harmoni.

KLUANG, 30 APRIL 2026 — Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, membentangkan kertas kerja bertajuk "MADANI dan Gagasan Kenegaraan Islam" sempena Seminar Kefahaman Malaysia MADANI Peringkat Negeri Johor Darul Takzim di INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS), Kluang.



Kertas kerja itu turut menggariskan beberapa asas penting dalam pembinaan negara MADANI, termasuk konsep Muakhah, Masjid, Pasar dan Sahifah Madinah, selain menekankan keperluan pelaksanaan program konkrit seperti pengukuhan peranan masjid sebagai pusat komuniti, pembangunan kurikulum kenegaraan MADANI, pemerkasaan ekonomi beretika serta pengukuhan dialog perpaduan antara agama dan kaum.



LENSA GERAKAN

WADAH JALIN KERJASAMA DENGAN PARLIMEN BANGI MELALUI KUNJUNG HORMAT

BANGI, 3 APRIL 2026 — Delegasi WADAH yang diwakili oleh Setiausaha Agung WADAH, Azizuddin Ahmad, dan Penolong Setiausaha Agung WADAH, Khairul Arifin Mohd Munir, telah mengadakan kunjung hormat kepada Ahli Parlimen Bangi, YB Syahredzan Johan. Pertemuan berlangsung dalam suasana terbuka dan konstruktif, dengan perbincangan tertumpu kepada isu semasa, peranan masyarakat sivil serta usaha memperluas kerjasama strategik dalam pembangunan masyarakat dan negara.



DISKUSI MEJA BULAT KUPAS IMPLIKASI ICERD TERHADAP PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

BUKIT JALIL, 29 APRIL 2026 — Diskusi Meja Bulat bertajuk “Melindungi Kedaulatan Watan: Analisis Kritikal Implikasi ICERD Terhadap Perlembagaan Persekutuan” telah berlangsung di Kingston Hotel, Bukit Jalil, menghimpunkan tokoh undang-undang, aktivis dan wakil masyarakat sivil bagi meneliti kesan ratifikasi International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination (ICERD) terhadap kerangka kenegaraan Malaysia.



➤ Diskusi ini menampilkan Professor Dato' Dr. Rahmat Mohamad, Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM); Puan Liyana Marzuki, aktivis dan peguam; Encik Mohamed Ibrahim, Pengerusi Majlis Al-Mizan WADAH; serta Encik Azril Mohd Amin, Pengerusi Centre for Human Rights Research and Advocacy (CENTHRA). Perbincangan memberi tumpuan kepada implikasi ICERD terhadap Perlembagaan Persekutuan, khususnya Artikel 153, dasar afirmatif, institusi strategik negara serta kontrak sosial yang menjadi asas kestabilan masyarakat majmuk Malaysia.



Sebagai resolusi, diskusi menegaskan bahawa Malaysia perlu terus mempertahankan kedaulatan Perlembagaan Persekutuan sebagai asas utama pembinaan negara. Sebarang komitmen antarabangsa, termasuk ICERD, wajar diteliti secara berhati-hati agar tidak bercanggah dengan struktur kenegaraan, kedudukan istimewa orang Melayu serta anak negeri Sabah dan Sarawak, serta kesepakatan nasional yang telah membentuk keharmonian negara sejak merdeka.



Diskusi turut merumuskan bahawa pendekatan hak asasi manusia di Malaysia perlu berpaksikan naratif kebangsaan sendiri, bukan semata-mata mengikut acuan universalisme luar yang mungkin tidak selari dengan sejarah dan realiti tempatan. Malaysia perlu terus mengurus kepelbagaian kaum secara adil, aman dan berimbang tanpa mengorbankan kestabilan, keharmonian serta identiti watan yang menjadi tunjang negara.



WADAH ADAKAN MESYUARAT BERSAMA MAIWP PERKASA KERJASAMA AGENSI

SUNGAIMERAB, 7 APRIL 2026—WADAH telah mengadakan mesyuarat bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melibatkan beberapa agensi berkaitan bagi membincangkan hala tuju kerjasama dan penyelarasan program. Sesi ini memberi ruang kepada pertukaran pandangan secara terbuka, dengan tumpuan kepada usaha memperkemas pelaksanaan inisiatif dakwah, kebajikan dan pembangunan masyarakat secara lebih tersusun dan berimpak.



SUA WADAH ADAKAN PERBINCANGAN STRATEGIK PERKASA PROGRAM PENDIDIKAN DAN KOMUNITI DI PULAU PINANG



MESYUARAT SUA & PSUA WAP MENYELARASKAN GERAK KERJA

GOMBAK, 24 APRIL 2026 — Mesyuarat Setiausaha Agung dan Penolong Setiausaha Agung WAP telah berlangsung dengan menghimpunkan barisan SUA dan PSUA WADAH, ABIM dan PKPIM. Mesyuarat ini menjadi platform penyelarasan gerak kerja, perkongsian perkembangan semasa serta perbincangan hala tuju strategik bagi memperkemas peranan organisasi dalam mendepani cabaran semasa.

PULAU PINANG, 19 APRIL 2026 — Setiausaha Agung WADAH, Azizuddin Ahmad, mengadakan pertemuan bersama Pengarah Pusat Islam Universiti Sains Malaysia, Ustaz Zayd Zhari, serta seorang wakil Majlis Agama Islam Pulau Pinang bagi membincangkan beberapa inisiatif melibatkan pembangunan mahasiswa dan komuniti. Perbincangan merangkumi pelaksanaan halaqah pelajar di bawah Pusat Islam USM, cadangan diskusi meja bulat (RTD) bersama pensyarah IPG dan USM, serta perancangan Program Bakti Nahdah di Permatang Pauh. Turut disentuh ialah usaha memperluas kerjasama dengan Jawatankuasa Muda masjid-masjid negeri dengan penglibatan Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, selain mengaktifkan semula pengkalan WADAH di USM sebagai langkah memperkasa peranan gerakan dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat.



MAKTAB GARAP HALA TUJU KADERISASI WADAH, ABIM, PKPIM

ATAS TALIAN, 25 APRIL 2026 — Majlis Kaderisasi dan Tarbiah (MAKTAB) telah menghimpunkan pimpinan utama WADAH, ABIM dan PKPIM bagi membincangkan hala tuju gerakan dalam fasa semasa yang semakin mencabar. Perbincangan menumpukan kepada keperluan memperkemas sistem kaderisasi dan tarbiah secara lebih tersusun, dengan penekanan kepada pembinaan kader yang seimbang dari sudut spiritual, intelektual dan gerak kerja lapangan. Dalam masa yang sama, pimpinan turut meneliti cabaran dalaman seperti kelemahan kerohanian dan kecenderungan oportunisme, di samping realiti luaran termasuk ketidaktentuan geopolitik serta tekanan ekonomi global.



KULIAH TANWIRUL UMMAH SIRI 1 ANGKAT WAWASAN AL-QURAN DALAM PEMERKASAAN UMMAH



KAJANG, 28 APRIL 2026 — Kuliah Tanwir Ummah Siri 1, Usrah Umum, telah berlangsung di Dewan Besar, Kolej Dar al-Hikmah secara hibrid dengan penyertaan peserta secara fizikal serta dalam talian melalui platform Zoom dan YouTube. Program ini menghimpunkan warga WADAH, ABIM, PKPIM, Kolej Dar al-Hikmah serta masyarakat umum sebagai usaha menghidupkan kembali tradisi usrah umum, budaya berguru dan wacana tanwir yang menjadi nadi penting gerakan Islam.

➤ Kuliah utama disampaikan oleh Dato' Haji Mohd Nakhaie Ahmad menerusi tajuk "Wawasan Minda Al-Quran ke Arah Pemeraksanaan Ummah". Beliau memulakan wacana dengan membacakan sebuah hadis Rasulullah SAW tentang umat yang ramai namun lemah — seperti buih di lautan — akibat "wahan", yakni cinta dunia dan takut mati. Daripada situ, beliau mengaitkan keadaan tersebut dengan krisis dalaman umat hari ini. Tegasnya, punca utama kelemahan bukan semata-mata luaran, tetapi kerana pegangan terhadap ajaran Islam yang semakin terungikai — apabila agama tidak lagi membentuk kehidupan secara menyeluruh.



➤ Kupasan beliau kemudian beralih kepada satu perkara yang lebih mendasar: kesepaduan antara hukum diniyyat (agama) dan kauniyyat (alam). Di sinilah, katanya, asas kepada pembinaan tamadun yang seimbang. Bila kedua-duanya terpisah — terlalu berat ke ritual atau terlalu cenderung kepada material — krisis kemanusiaan mudah tercetus. Sejarah kebangkitan Islam sendiri, jelas beliau, membuktikan bahawa kekuatan umat terletak pada gabungan wahyu dan akal, disokong oleh penguasaan ilmu yang menyeluruh.



➤ Program ini turut memuatkan segmen khas Bicara Harakah oleh Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, yang menekankan keperluan memperkukuh kesatuan saf, memperjelas peranan gerakan, serta memperkasa dakwah dalam mendepani cabaran semasa. Secara keseluruhannya, kuliah ini bukan sekadar sesi ilmu — ia menjadi ruang menyambung semula antara fikrah dan gerak kerja, seiring aspirasi membina ummah yang berdaya tahan, berakar pada nilai, dan berpandukan kerangka MADANI.

USRAH GABUNGAN WAP WILAYAH PERSEKUTUAN HIMPUNKAN AHLI, PRESIDEN WADAH SEMPURNAKAN PENGISIAN

• **BUKIT BINTANG, 8 APRIL 2026** — Usrah gabungan WAP Wilayah Persekutuan telah berlangsung di Outreach Oasis Bukit Bintang (OOBB) dengan menghimpunkan ahli daripada WADAH, ABIM dan PPIWP Wilayah Persekutuan. Program ini turut dihadiri oleh Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, yang menyampaikan pengisian berkaitan kepentingan tarbiah, kesatuan saf serta kejelasan peranan gerakan dalam menghadapi cabaran semasa.



MAJLIS JAMUAN MAHABBAH & USRAH WAP SELANGOR PERERAT UKHUWAH WARGA GERAKAN

GOMBAK, 19 APRIL 2026 — Majlis Jamuan Mahabbah dan Usrah WAP Selangor telah berlangsung di Pusat Latihan PEPIAS - ABIM Kg Changkat dari jam 11.00 pagi hingga 4.00 petang dengan menghimpunkan ahli daripada WADAH, ABIM dan PEPIAS Selangor. Program ini menjadi medan santai yang bermakna dalam mengeratkan ukhuwah, di samping pengisian usrah yang menekankan kepentingan tarbiah, kesatuan serta pengukuhan peranan gerakan dalam kalangan ahli.



WADAH DI PENTAS NASIONAL

WADAH TONJOL PERANAN GENERASI MUDA DALAM FORUM PERDANA EHWAL ISLAM

PUTRAJAYA, 2 APRIL 2026 — WADAH terus memperlihatkan keterlibatan aktif dalam wacana dakwah nasional melalui penyertaan dalam Forum Perdana Ehwah Islam bertemakan “Generasi Pewaris Risalah”. Penglibatan ini mencerminkan komitmen berterusan WADAH dalam membawa suara gerakan ke ruang dialog awam yang lebih luas, khususnya dalam isu pembinaan generasi pelapis umat.



➤ **AJKP WADAH** Pusat, Ustaz Mohd Shazni Abdullah, telah mewakili dirinya sebagai panel untuk menekankan kepentingan kefahaman Islam yang menyeluruh, pengukuhan jati diri serta kesediaan generasi muda untuk memikul amanah risalah dalam realiti masyarakat masa kini. Beliau turut menegaskan bahawa kesinambungan dakwah memerlukan gabungan ilmu, akhlak dan komitmen yang berpanjangan.

WADAH SERTAI MAJLIS SOLAT HAJAT & FORUM PERDANA MENDEPANI KRISIS GLOBAL DI PUTRAJAYA



PUTRAJAYA, 9 APRIL 2026 — WADAH turut serta dalam Majlis Solat Hajat dan Forum Perdana anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama agensi Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) termasuk Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) yang berlangsung di Masjid Putra, menghimpunkan lebih 5,000 peserta. Program dimulakan dengan solat berjemaah serta solat hajat sebelum diteruskan dengan Forum Perdana Ehwat Islam bertemakan “Satu Saf Mendepani Cabaran Global”, yang diisi oleh YB Senator Dato’ Prof Redzuan Othman, Ahli Dewan Negara, juga merangkap sebagai ahli WADAH.

Majlis ini turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, bersama timbalannya serta barisan kepimpinan agensi agama, menzahirkan komitmen berterusan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap cabaran global semasa. Program seumpama ini dilihat sebagai platform penting dalam menggabungkan pendekatan spiritual dan intelektual bagi membina kekuatan umat secara menyeluruh.



KERAJAAN PERLU SEGERA SEDIAKAN PELAN KOMPREHENSIF TANGANI KRISIS MINYAK

1 April 2026

Krisis minyak global yang berpunca daripada konflik bersenjata di Asia Barat sejak 28 Februari 2026 kini memasuki bulan kedua dengan kesan yang semakin nyata terhadap ekonomi dan kehidupan rakyat Malaysia. Kehilangan 11 juta tong bekalan minyak sehari pasaran global — melebihi dua krisis minyak tahun 1970-an digabungkan — telah menyebabkan harga minyak mentah Brent mencecah AS\$115 setong, kenaikan bulanan terbesar dalam sejarah. Malaysia, sebagai pengimport bersih minyak dengan penggunaan domestik melebihi pengeluaran berada dalam kedudukan rentan yang memerlukan tindakan segera dan terancang.

Walaupun kerajaan telah mengambil langkah awal termasuk pelarasan kuota subsidi BUDI95 kepada 200 liter sebulan serta memperketatkan kawalan di sempadan bagi membendung penyeludupan bahan api, WADAH berpendapat bahawa langkah-langkah bersifat reaktif ini tidak mencukupi. Kementerian Ekonomi sendiri mengakui bahawa tempoh penstabilan konflik dijangka mengambil masa sekurang-kurangnya enam bulan hingga setahun, memandangkan kemudahan penapisan yang rosak memerlukan masa untuk pulih sepenuhnya. Negara jiran seperti Singapura, Indonesia dan Thailand telah pun mengeluarkan pelan awal keselamatan tenaga masing-masing. Malaysia tidak boleh terus hanya bergantung kepada nasib dan rundingan diplomatik yang bersifat sementara. Kesan jangka panjang krisis ini — daripada kenaikan kos pengangkutan, tekanan inflasi, sehinggalah kepada risiko kekurangan bekalan — pastinya akan terpalit kepada rakyat sekiranya tiada perancangan menyeluruh dilaksanakan dari sekarang.

Kerajaan harus segera mengutarakan:

PERTAMA: Segera membentangkan Pelan Tindakan Keselamatan Tenaga Nasional (*National Energy Security Action Plan*) yang komprehensif.

Pelan ini perlu merangkumi tiga fasa: fasa segera (0-3 bulan) meliputi pengurangan bekalan semasa, fasa sederhana (3-12 bulan) meliputi kepelbagaian sumber dan laluan bekalan alternatif serta fasa jangka panjang (melebihi setahun) meliputi transformasi struktur tenaga negara.

KEDUA: Mewujudkan mekanisme pemantauan dan intervensi harga yang lebih responsif.

Kerajaan perlu menubuhkan pasukan tugas khas (*special task force*) yang melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Kementerian Ekonomi, Bank Negara, dan agensi penguatkuasa untuk memantau pergerakan harga secara harian dan bertindak segera terhadap sebarang percubaan manipulasi harga atau penimbunan barangan.



KETIGA: Memperkukuh penguatkuasaan anti-penyeludupan secara drastik.

Dengan nilai rampasan petrol dan diesel mencecah RM32.1 juta sejak 2024, jelas bahawa ketirisan subsidi adalah satu bentuk pengkhianatan kepada kepentingan negara. WADAH mendesak agar teknologi pengesanan moden diperkenalkan di semua pintu sempadan dan hukuman yang lebih berat dikenakan kepada mereka yang terlibat.

KEEMPAT: Mempercepatkan peralihan tenaga dan pengurangan kebergantungan kepada minyak import.

Malaysia perlu segera mempelbagaikan sumber tenaga dengan mengembangkan tenaga hijau seperti solar dan hidrogen, selain mencari pembekal alternatif di luar Asia Barat bagi mengurangkan risiko gangguan rantaian bekalan pada masa hadapan.

KELIMA: Mengadakan sesi libat urus nasional dengan semua pihak berkepentingan.

Kerajaan perlu memanggil wakil industri, pengusaha SME, pakar ekonomi, dan pertubuhan pengguna bagi mendapatkan maklum balas dan membangunkan penyelesaian secara kolektif. Seperti yang ditegaskan oleh Menteri Ekonomi, pihak kerajaan tidak boleh hanya bergantung kepada data rasmi tetapi perlu mendengar secara langsung pengalaman pemain industri untuk mengenal pasti gangguan rantaian bekalan lebih awal.

Krisis minyak global kali ini bukan sekadar ujian kepada ketahanan ekonomi negara, tetapi juga ujian kepada kemampuan kerajaan merancang dan bertindak secara strategik. Rakyat telah bersedia untuk menghadapi tekanan dengan sikap berhemat dan tidak terpengaruh dengan spekulasi. Namun, rakyat juga berhak mengetahui bahawa kerajaan mempunyai pelan yang jelas dan komprehensif untuk membawa negara keluar daripada krisis ini. Sudah tiba masanya Malaysia berhenti bersikap reaktif dan mula bertindak secara proaktif — bukan hanya untuk mengharungi krisis semasa, tetapi untuk membina daya tahan yang lebih kukuh bagi menghadapi cabaran-cabaran yang pasti akan datang pada masa hadapan.

WADAH berharap semua Kementerian terus mencari jalan yang wajar bagi membolehkan kakitangan boleh memaksimumkan kerja secara efektif dalam membantu mengurangkan kos rakyat serta memastikan ekonomi kita dalam keadaan yang stabil dalam menghadapi sa'at ul 'usra (masa sukar).

“MENGANGKAT MARTABAT UMAT”

AZIZUDDIN AHMAD

Setiausaha Agung

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)

WADAH MENYAMBUT BAIK USAHA DAMAI IRAN-AS, SERU PELAN KOMPREHENSIF KEAMANAN SERANTAU DAN KEADILAN UNTUK PALESTIN



9 April 2026

WADAH mengalu-alukan perkembangan positif dalam konflik Amerika Syarikat-Iran melalui cadangan pelan sepuluh perkara yang dikemukakan oleh Iran dan diterima secara konstruktif oleh pihak Amerika Syarikat.

Perkembangan ini merupakan satu sinar harapan ke arah meredakan ketegangan geopolitik yang berlarutan serta membuka ruang kepada pembinaan semula keamanan dan kestabilan di rantau Timur Tengah yang sekian lama bergolak. WADAH berpandangan bahawa usaha ke arah dialog dan rundingan secara berterusan adalah satu-satunya jalan yang bermaruah dan berkesan dalam menyelesaikan konflik yang kompleks ini.

Sehubungan itu, WADAH menegaskan bahawa sebarang proses rundingan mestilah dilaksanakan dengan penuh keikhlasan, ketelusan dan komitmen terhadap prinsip keadilan sejagat. Rundingan yang dicemari dengan muslihat, kepentingan sempit dan “double-dealing” hanya akan menggagalkan usaha damai dan mengheret dunia ke dalam krisis yang lebih besar.

WADAH turut menyokong gesaan agar pelan sepuluh perkara ini diterjemahkan kepada suatu kerangka perjanjian damai yang lebih menyeluruh, meliputi negara-negara yang terkesan secara langsung seperti Iraq, Lebanon dan Yemen. Pendekatan bersifat serantau ini amat penting bagi memastikan keamanan yang dibina adalah lestari dan tidak bersifat sementara.

Dalam masa yang sama, WADAH menegaskan bahawa sebarang usaha damai di Timur Tengah tidak akan leng-

kap tanpa penyelesaian yang adil terhadap isu Palestin. Tindakan berterusan yang membawa kepada pembunuhan, penindasan dan pelucutan hak rakyat Palestin, khususnya di Gaza, mesti dihentikan segera. Keadilan untuk Palestin bukan sekadar tuntutan politik, tetapi satu kewajipan moral dan kemanusiaan sejagat.

WADAH juga merakamkan penghargaan kepada usaha diplomasi berani yang ditunjukkan oleh Pakistan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Shehbaz Sharif dalam menjayakan ruang dialog antara pihak-pihak yang bertelagah. Pendekatan ini mencerminkan semangat solidariti dunia Islam dan tanggungjawab bersama dalam mempromosikan keamanan global.

Malaysia, melalui kepimpinan Perdana Menteri, telah menunjukkan peranan penting sebagai suara sederhana yang berprinsip dalam arena antarabangsa. WADAH menyokong sepenuhnya komitmen Malaysia untuk terus menyumbang kepada usaha damai dan diplomasi pelbagai hala.

Cadangan WADAH: Penubuhan “Majlis Dialog Keamanan Timur Tengah (MDKTT)” Berteraskan Negara-Negara Berkecuali

Sebagai langkah ke hadapan, WADAH mencadangkan penubuhan satu platform diplomasi tetap iaitu Majlis Dialog Keamanan Timur Tengah (MDKTT) yang dianggotai oleh negara-negara berkecuali termasuk Malaysia, Turkiye, Qatar dan Pakistan. Majlis ini berperanan sebagai:

- fasilitator rundingan berterusan
- pemantau pelaksanaan perjanjian damai, dan
- penyelaras bantuan kemanusiaan serantau.

Platform ini penting bagi memastikan proses damai tidak bersifat episodik, sebaliknya berterusan, inklusif dan bebas daripada dominasi kuasa besar.

Akhirnya, WADAH menyeru agar komuniti antarabangsa memastikan akses bantuan kemanusiaan disalurkan tanpa halangan kepada semua mangsa konflik. Dunia tidak boleh lagi berdiam diri terhadap penderitaan rakyat awam yang tidak berdosa.

Semoga perkembangan ini menjadi titik perubahan ke arah keamanan yang berkekal dan berteraskan keadilan.

“Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka cenderunglah kepadanya dan bertawakallah kepada Allah.”

(Surah Al-Anfal: 61)

DATO' AHMAD AZAM AB RAHMAN
Presiden

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)

Kenyataan Media

KONFLIK AS-ISRAEL DAN IRAN: AYUH BINA KETAHANAN NEGARA!



18 APRIL 2026

Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM) mengambil maklum dengan serius peningkatan ketegangan geopolitik yang melibatkan Amerika Syarikat, Israel dan Iran, serta potensi kesannya terhadap keselamatan, ekonomi dan kestabilan sosial Malaysia.

Negara kita tidak terlepas daripada risiko limpahan krisis, sama ada melalui harga tenaga, gangguan laluan perkapalan, ketidakpastian kewangan, inflasi, risiko siber mahupun perpecahan sistem global.

HIKAM menegaskan bahawa dalam situasi ketidakpastian global, pendekatan keseluruhan masyarakat (*whole-of-society*) amat diperlukan. Malaysia perlu membina strategi ketahanan nasional (*national resilience strategy*) dalam sektor tenaga, kewangan dan rantaian bekalan.

Kerajaan perlu bertindak secara strategik, manakala masyarakat sivil dan NGO perlu memainkan peranan sebagai penstabil sosial, pemberi maklumat benar dan pengukuh perpaduan nasional.

Sehubungan dengan itu, HIKAM mencadangkan agar kerajaan Malaysia melaksanakan langkah-langkah berikut:

1. Memperkukuh rizab tenaga dan makanan sebagai persediaan menghadapi kejutan bekalan.
2. Mengaktifkan diplomasi ekonomi melalui ASEAN bagi melindungi laluan perdagangan dan kestabilan mata wang.
3. Menyediakan pelan komunikasi krisis kebangsaan bagi menangani maklumat palsu yang boleh mencetuskan ketegangan etnik atau agama.
4. Membina daya ketahanan nasional yang anjal (*resilient*) melalui pendekatan seluruh masyarakat (*whole-of-society*), merangkumi aspek ekonomi, tenaga, keselamatan siber, infrastruktur kritikal dan kesiapsiagaan sosial.
5. Mewujudkan polisi ekonomi daya tahan negara

(*national resilience economic policy*) yang menekankan perbelanjaan berhemah dan kesederhanaan, serta mengelakkan segala jenis pembaziran, ketirisan akibat rasuah dan salah guna kuasa.

6. Mengamalkan polisi subsidi yang bersasar bagi mengurangkan kesan ke atas golongan B40.

HIKAM juga menggesa NGO-NGO dan kumpulan masyarakat sivil agar menubuhkan jawatankuasa respons krisis di peringkat nasional dan negeri untuk memantau kesan konflik ke atas komuniti, dan menyediakan ruang dialog antara agama dan etnik bagi mengelakkan polarisasi.

Rakyat Malaysia pula seharusnya tidak menyebarkan maklumat yang tidak sahih tentang konflik. Bahkan, mereka perlu memperbanyakkan doa untuk keselamatan negara dan kesejahteraan sejagat, dan mengukuhkan semangat kejiranan dan bantu-membantu, terutamanya bagi golongan yang terjejas akibat kenaikan kos sara hidup.

Oleh itu, HIKAM percaya bahawa ketahanan nasional tidak hanya dibina melalui dasar kerajaan, tetapi juga melalui kepercayaan, perpaduan dan kesediaan di setiap peringkat masyarakat.

Dalam dunia yang semakin tidak menentu, HIKAM bersedia untuk memainkan peranan mengukuhkan perpaduan masyarakat dan pelaksana bantuan yang amanah, bertanggungjawab, serta diyakini segenap lapisan masyarakat

Semoga Malaysia dilindungi daripada fitnah dan bahaya. Kami menyeru semua pihak agar mengutamakan keamanan dan keadilan demi kesejahteraan bersama. Rakyat Malaysia perlu bersatu padu dalam menghadapi krisis global ini.

Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM)

1. Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)
2. Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM)
3. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
4. Pertubuhan Himpunan Lepasn Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN)

PRESIDEN-PRESIDEN HIKAM

- | | |
|---|--|
| ■ Dato' Hj Ahmad Azam Ab Rahman
Presiden WADAH | ■ Ahmad Fahmi Mohd Samsudin
Presiden ABIM |
| ■ Hj Badlishah Sham Baharin
Presiden IKRAM | ■ Dr. Hj Abdullah Sudin Ab Rahman
Presiden HALUAN |

KEBEBASAN BERSUARA BUKAN LESEN PENGHINAAN: SALWA MALAYSIA GESA PEMBUDAYAAN ADAB DALAM KRITIKAN SOSIAL

17 APRIL 2026

Pertubuhan Salwa Malaysia mengikut rapat laporan media berkenaan penahanan seorang individu wanita yang didakwa mengeluarkan kenyataan berunsur penghinaan, cacian dan fitnah terhadap YAB Perdana Menteri di bawah Akta Hasutan 1948.

Sehubungan dengan itu, Pertubuhan Salwa Malaysia ingin menegaskan pendirian seperti berikut:

1 Prinsip Menasihati dan Adab Berbeza Pendapat

Pertubuhan Salwa Malaysia sentiasa berpegang teguh kepada prinsip Islam iaitu Ad-Din An-Nasihah (Agama itu adalah nasihat). Kami meraikan hak rakyat untuk menegur dan memberikan pandangan kepada kepimpinan negara. Malah, dalam tradisi keilmuan Islam, kita dididik dengan Adabul Ikhtilaf (Adab Berbeza Pendapat) yang membenarkan kita menyuarakan pandangan yang berbeza demi kebaikan ummah. Namun, kebebasan ini bukanlah lesen untuk menghalalkan lisan yang kotor dan fitnah yang melampau.

2 Menjaga Maruah Wanita dan Etika Berbahasa

Tindakan individu tersebut yang menggunakan bahasa kesat bukan sahaja melanggar etika seorang warganegara, malah ia mencalar maruah wanita secara keseluruhannya. Seorang wanita seharusnya dikenali dengan tutur kata yang sopan dan ketegasan hujah yang berasas, bukannya dengan cacian, teriakan makian.

Ketiadaan fakta dan hujah yang bernas dalam kritikan tersebut menjadikan ia sebuah provokasi murahan yang memberikan teladan buruk kepada generasi muda. Kita bimbang jika budaya "celupar" ini dianggap sebagai norma baharu dalam menyatakan ketidakpuasan hati dan diterima malah dilazimi pula oleh generasi muda kelak. Ia suatu dosa sosial yang tidak boleh dimaafkan dan menjadi titik mula kepada perpecahan dan permusuhan dalam masyarakat

PEDOMAN ISLAM DALAM MENASIHATI PEMIMPIN

Sebagai panduan bersama, Pertubuhan Salwa Malaysia ingin menyarankan agar rakyat Malaysia seluruhnya kembali kepada peringatan Rasulullah SAW dalam menegur pemimpin yang selari dengan tuntutan Al-Quran dan as Sunnah.

1. Gunakan Kata-kata yang Lembut (Qawlan Layyinan):

Sebagaimana perintah Allah SWT kepada Nabi Musa AS dan Nabi Harun AS ketika diperintahkan menemui Firaun (setinggi-tinggi pemimpin berkarakter diktator):

"Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan

kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan ia ingat atau takut." (Surah Taha: 44).

Ini merupakan petunjuk yang jelas bahawa kaedah tutur kata berterus kelembutan bukanlah kelemahan malah Allah menegaskan bahawa cara sedemikian boleh membawa perubahan dengan frasa 'ingat dan takut' hatta kepada karakter pemimpin yang zalim sekalipun.

2. Perselisihan tidak sampai merosakkan umat.

Rasulullah SAW sering mengingatkan agar perbezaan pandangan jangan sampai merosakkan umat kerana ia tidak akan membawa sebarang kebaikan.

Baginda SAW pernah bersabda; "Janganlah kamu berselisih, nanti berselisih hati kamu".

Dan pada waktu yang lain Baginda SAW juga pernah bersabda; "Janganlah kamu berselisih pendapat kerana orang-orang terdahulu daripada kamu berselisih pendapat, maka hancurlah mereka."

Maka, amat perlu untuk kita melihat kepada mengapa perlu untuk berbeza pendapat selain kaedah yang digunakan untuk menyampaikan pandangan tersebut. Ini adalah jalan terbaik untuk mengelakkan fitnah dan huru-hara dalam kalangan masyarakat zaman pasca normal yang amat sensitif dengan kelajuan dan kecelaruan.

3. Berasaskan Fakta dan Kebenaran.

Sirah menunjukkan bagaimana Saidina Abu Bakar RA dan Saidina Umar RA sentiasa meminta rakyat menegur mereka jika melakukan kesilapan, namun teguran tersebut sentiasa dalam kerangka membina dan berlandaskan kebenaran syariat, bukan emosi semata-mata. Fakta dan kebenaran ini perlu dizahirkan dengan jelas dan dari sumber yang berautoriti kerana kedangkalan kita dalam meletakkan sumber yang benar dan dipercayai akan mengakibatkan naratif sebenar tentang sesuatu perkara tertutup dan fitnah tetap berleluasa.

Pertubuhan Salwa Malaysia secara tegas tidak ber-setuju dan mengesahkan tindakan mana-mana individu yang berselindung di sebalik naratif "Kebebasan Bersuara" (Freedom of Speech) untuk menghalalkan perbuatan menghina dan memfitnah. Kebebasan tanpa batasan adab adalah pertimbangan moral yang boleh merosakkan keharmonian negara.

Kami menyokong agar tindakan tegas dan adil diambil oleh pihak berkuasa sebagai pengajaran kepada semua pihak agar lebih bertanggungjawab dalam menggunakan media sosial. Marilah kita kembali kepada budaya tegur-menegur yang berhemah demi kesejahteraan Malaysia.

SIRI PROGRAM PEMERKASAAN AKTIVITI WARGA EMAS PAWE@3A, (ANYTIME, ANYWHERE, ANYPLACE), JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

RAMAH MESRA KOMUNITI: WARGA EMAS PEMANGKIN EKONOMI SETEMPAT & MAJLIS SANTUNAN KASIH AIDILFITRI

SELANGOR, 09 April 2026 | Khamis – Ramah Mesra Bersama Komuniti telah diadakan di Pejabat Balai Penghulu Mukim Dengkil. Seramai 150 orang daripada komuniti Sepang hadir dan telah berpeluang melihat Demonstrasi Penanaman Pokok Sayuran secara hidroponik daripada Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Aktiviti Siri PAWE@3A ini adalah program anjuran SALWA Malaysia dan Kelab Kebajikan Nenda (PAWE Sepang) dengan kerjasama Pejabat Balai Penghulu Mukim Dengkil dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pegawai JKM yang hadir ialah Puan Suhaila Maijana Adnan dan Puan Lyn D' Amor Buqing.



MAJLIS TAUTAN UKHUWAH SAFWAH

SELANGOR, 19 April 2026 | Ahad – Majlis Tautan Ukhawah SAFWAH bersama Presiden WADAH, telah berlangsung di Dewan Kolej Dar Al-Hikmah dengan kehadiran seramai 120 orang ahli-ahli SAFWAH iaitu ahli-ahli muda SALWA dan WADAH yang berusia di bawah 50 tahun. Majlis telah dihadiri oleh Ustaz Hasri Harun, Timbalan Presiden WADAH, Jawatankuasa SALWA Pusat dan staf-staf agensi. Majlis menjadi bertambah meriah dan ceria dengan kehadiran Presiden ABIM, Naib Presiden HELWA dan HELWA ABIM. Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Abdul Rahman dalam Bicara Perjuangan: Peranan Strategik Generasi SAFWAH, turut menegaskan peranan SAFWAH dalam Pengukuhan Institusi Keluarga, Advokasi Geopolitik Kritis, Pemerkasaan Ekonomi Ummat, Pendidikan dan Pencerdasan Awam dan Kesyukuran Tautan Ukhawah. SAFWAH diseru untuk memahami cabaran neokolonialisme moden dan mengambil peranan aktif dalam WADAH dan SALWA.



